



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROFESOR DOKTOR ZAWAWI BIN NORDIN
PAKAR PERUBATAN NEFROLOGI

OLEH:

AQILFIKRI IRFAN BIN TAQUIUDDIN TIEW	2020968755
NUR ATHIRAH BINTI JAMAL	2020966193

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2021 – OGOS 2021)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Tugasan ini dapat kami selesaikan dengan ilmu dan petunjuk yang dianugerahkan olehNya serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah IMR604 bagi kelas D1 IM245 5B yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat berkaitan dengan tugas ini. Tanpa tunjuk ajar beliau, mana mungkin kami dapat menyelesaikan tugas ini.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih turut diucapkan kepada Profesor Dr. Zawawi Bin Nordin kerana sudi meluangkan masa dan memberikan kerjasama yang tinggi dalam membantu kami menyelesaikan tugas ini.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada kedua ibu bapa dan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan idea, sokongan, dan dorongan untuk kami menyelesaikan tugas ini.

Akhir sekali, kami turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu kami sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menyelesaikan tugas ini. Kami mengharapkan agar tugas ini turut memberikan manfaat kepada kami dan juga rakan-rakan yang lain. Segala kesilapan dan kekurangan kami didahului dengan ucapan maaf.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	i
ISI KANDUNGAN.....	iii
ABSTRAK.....	vi
SENARAI ABREVIASI.....	viii
SENARAI SINGKATAN.....	xii
RUJUKAN KATA.....	xiii
BIODATA PENEMUBUAL.....	1
1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA.....	2
1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA.....	3
BIODATA TOKOH.....	4
2.1 BIODATA TOKOH.....	5
2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH.....	6
SEJARAH LISAN.....	7
3.1 PENGENALAN.....	8
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN.....	9
3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN.....	10
KAJIAN LITERATUR.....	11
TRANSKRIP WAWANCARA.....	15

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH.....	16
BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN.....	21
BAHAGIAN 3 - PENGALAMAN KERJAYA - DOKTOR PAKAR NEFROLOGI....	33
BAHAGIAN 4 : BIDANG NEFROLOGI.....	47
BAHAGIAN 5 : PENGALAMAN MEMBUKA PUSAT HEMODIALISIS.....	63
BAHAGIAN 6 - PENCAPAIAN.....	79
BAHAGIAN 7 - SUMBANGAN.....	83
BAHAGIAN 8 : HARAPAN.....	85
LOG WAWANCARA.....	91
RALAT.....	107
INDEKS.....	109
BIBLIOGRAFI.....	114
LAMPIRAN.....	117
SURAT PERJANJIAN.....	118
SENARAI SOALAN SEBELUM SESI WAWANCARA.....	119
SENARAI SOALAN SEMASA SESI WAWANCARA.....	125
DIARI KAJIAN.....	130
GAMBAR.....	133

ABSTRAK

Abstrak: *Kajian ini membincangkan tentang latar belakang dan pengalaman kerjaya seorang tokoh yang merupakan seorang Doktor Pakar Perubatan dalam bidang Nefrologi iaitu Profesor Doktor Zawawi Bin Nordin. Nefrologi merupakan bidang khusus yang memfokuskan pada fungsi normal buah pinggang manusia, diagnosis serta rawatan bagi penyakit buah pinggang. Justeru, penulisan artikel ini turut membincangkan apakah yang dimaksudkan dengan Nefrologi secara lebih mendalam serta cabaran yang perlu dihadapi oleh tokoh sebelum mendapat gelaran sebagai seorang Doktor Pakar Nefrologi. Selain itu, intipati transkrip turut membincangkan tentang pengalaman beliau dalam mengusahakan Pusat hemodialisis milik beliau dan juga rakan kongsinya, pencapaian sepanjang perkhidmatan, sumbangaan beliau dan harapan terhadap mereka yang ingin menceburi bidang Nefrologi serta nasihat kepada generasi muda yang sering mengambil mudah terhadap tahap kesihatan mereka. Segala maklumat yang ditulis adalah berdasarkan tinjauan literatur melalui laman sesawang yang mempunyai autoriti serta melalui projek sejarah lisan yang telah dijalankan. Implikasi utama kajian ini adalah kepada pengkaji, para penyelidik, pelajar serta masyarakat. Berdasarkan kajian yang dijalankan, penyelidik berharap agar masyarakat kini terutamanya generasi muda akan lebih peka dengan tahap kesihatan mereka dan mengambil langkah berjaga-jaga demi masa depan.*

Kata kunci: *Profesor Doktor Zawawi Nordin, Doktor Pakar, Nefrologi, Buah Pinggang, Pusat hemodialisis.*

Abstract : *This study discusses the background and career experience of a figure who is a Medical Specialist in the field of Nephrology, namely Professor Doctor Zawawi Bin Nordin. Nephrology is a specialized field that focuses on the normal function of the human kidney, diagnosis and treatment of kidney disease. Therefore, the writing of this transcribe also discusses what is meant by Nephrology in more depth as well as the challenges that need to be faced by the figure before getting the title of a Nephrologist. In addition, the writing of the article also discusses figure experience in running his and his partners' Hemodialysis Centre, achievements throughout the service, his contribution and hopes for those who want to venture into Nephrology as well as advice to the younger generation who often take their health simply. All information written is based on a literature review through an authoritative website as well as through oral history projects that have been conducted. The main implications of this study are for researchers, students and the community. Based on the study conducted, researchers hope that today's society, especially the younger generation will be more sensitive to their health and take precautions for the future.*

Keywords: *Profesor Doktor Zawawi Nordin, Specialist, Nephrologist, Kidney, Hemodialysis Centre*